



JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

PENJELASAN ISU 1 SYAWAL 1443 H

PENDAHULUAN

Malaysia telah mengamalkan kaedah Rukyah dan Hisab berdasarkan penggunaan Kriteria Imkanur Rukyah (KIR) dalam penentuan awal bulan Islam termasuklah bulan Ramadhan, Syawal dan Zulhijjah sejak tahun 1992. Kriteria ini telah ditambahbaik bermula Muharram 1443H setelah kajian semakan semula data-data hilal dilakukan bagi tempoh 30 tahun. Sebelum 1443H, kriteria Imkanur Rukyah yang digunakan adalah seperti berikut :

“ Ketika matahari terbenam, ketingian hilal hendaklah tidak kurang dari 2 darjah dan jarak lengkuk matahari ke bulan tidak kurang dari 3 darjah atau umur bulan ketika terbenam tidak kurang dari 8 jam.”

Namun bermula Muharram 1443 H, Imkanur Rukyah sebagaimana diamalkan oleh Malaysia dan negara-negara serantau seperti Indonesia, Brunei dan Singapura adalah seperti berikut ;

“ Ketika matahari terbenam tinggi hilal tidak kurang dari 3 darjah dan elongasi matahari bulan tidak kurang dari 6.4 darjah (6 darjah 24 minit).”

Berdasarkan kriteria ini, apabila kedudukan hilal memenuhi kriteria yang ditetapkan pada tanggal 29 hb hijriah maka keesokannya dianggap sebagai permulaan bulan baru. Namun, jika tidak maka keesokannya digenapkan menjadi 30 haribulan.

Kriteria ini dibangunkan dan diperkemaskan berdasarkan pemerhatian yang berterusan terhadap data-data dan rekod kenampakan hilal di seluruh dunia. Pembentukan kriteria ini juga adalah sebahagian ijtihad ahli-ahli falak, dalam menentukan kriteria yang mendekati keyakinan bahawa hilal akan kelihatan setelah memenuhi kriteria tersebut. Ia adalah kaedah alternatif menurut ilmu falak dalam membentuk satu takwim hijriah yang sistematik dan saintifik serta tidak bertentangan dengan kehendak Syarak termasuklah dalam menentukan permulaan Ramadhan dan Syawal. Walau bagaimanapun, permulaan awal Ramadhan dan Syawal di Malaysia adalah tertakluk kepada pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Syarak telah menetapkan kaedah yang jelas dalam penentuan awal Ramadhan dan awal Syawal. Kaedah utama yang dianjurkan sebagaimana nas al-Quran dan hadis Nabi SAW adalah berdasarkan rukyah. Hanyasanya jika hilal tidak kelihatan disebabkan mendung atau berawan, maka dalam hal ini terdapat khilaf ulamak dalam menerima hisab ahli-ahli falak atau menggenapkan saja 30 hari.

KAEDAH RUKYAH DAN HISAB DALAM KONTEKS DI MALAYSIA

Dalam konteks di Malaysia, dengan kaedah Rukyah dan Hisab berdasarkan Kriteria Imkanur Rukyah, penetapan 1 Syawal dibuat berdasarkan keputusan rukyah hilal pada hari ke 29 walaupun ia nanti berada di bawah kriteria yang ditetapkan. Namun jika hilal tidak kelihatan, maka keputusan akan dibuat berdasarkan hasil hisab hilal.

Ini berdasarkan dalil-dalil berikut :

1. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 185:

فَمَنْ شَهِدَ مِنْكُمُ الشَّهْرَ فَلْيَصُمُّهُ

Maksudnya: Barangsiapa dari antara kamu yang menyaksikan anak bulan (atau mengetahuinya), maka hendaklah ia berpuasa bulan itu.

2. Begitu juga hadis Nabi SAW:

لَا تَصُومُوا حَتَّىٰ تَرَوْا الْهِلَالَ وَلَا تُفْطِرُوا حَتَّىٰ تَرَوْهُ إِنْ غَمَّ عَلَيْكُمْ فَاقْدُرُوا لَهُ

Maksudnya: "Janganlah kalian berpuasa sehingga melihat hilal, jangan pula kalian berbuka sehingga melihatnya, jika kalian terhalang oleh awan, maka taqdiranlah".

(Riwayat al-Bukhari).

Ini bermakna apabila telah jelas kelihatan hilal walaupun di luar Kriteria Imkanur Rukyah oleh saksi yang adil maka pemerintah bertanggungjawab menyiasat dan membuat keputusan sama ada menerima atau menolak kesaksian tersebut.

DATA HILAL SYAWAL 1443 H



Berdasarkan hasil hisab di Malaysia, data hisab pada 29 Ramadhan di Tanjung Chinchin (titik rujuk paling barat di Malaysia) adalah seperti berikut :

1. Ketinggian hilal : 5 darjah 27 minit dan,
2. Elongasi hilal : 5 darjah 57 minit.

Merujuk data di atas, hilal telah memenuhi syarat ketinggian iaitu 3 darjah, namun tidak memenuhi syarat elongasi iaitu perlu tidak kurang dari 6 darjah 24 minit. Ini bermakna sudut elongasi hilal hanya kurang 27 minit berbanding KIR pada 29 Ramadhan 1443 H ini dan ini menjadikan data hilal berada di sempadan kenampakan (border line). Berdasarkan data inilah, Hilal Syawal tetap dijangka tidak kelihatan dan sekaligus bulan Ramadahan digenapkan menjadi 30 hari.

Berasaskan pandangan Imam al-Subki, hasil hisab pada 29 Ramadan 1443 H, hilal menepati keadaan ‘kemungkinan jauh dapat di rukyah’ (ru’yah ihtimal baidan) di mana hilal tidak mustahil namun hanya mempunyai potensi rendah untuk dirukyah. Maka dalam hal inilah menjadikan hasil rukyah lebih kuat dari hasil hisab.

Maka, pada tanggal 29 Ramadhan 1443H, rombongan rukyah hilal telah melakukan cerapan di 29 buah tempat cerapan di seluruh Malaysia. Dengan izin Allah SWT, hilal telah disahkan kelihatan di stesen Cerapan hilal di Labuan, Malaysia. Malah ia juga telah dilaporkan turut dapat dicerap di negara jiran iaitu Brunei dan Indonesia.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hilal Syawal 1443H telah kelihatan pada tarikh cerapan walaupun di luar Kriteria Imkanur Rukyah yang digunakan. Maka, 1 Syawal 1443H telah ditetapkan pada 2 Mei 2022 (Isnin) sebagaimana pengisytiharan Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja.

Selamat Menyambut 'Idulfitri. Semoga Allah menerima segala amal baik kita di bulan Ramadhan.

JABATAN MUFTI NEGERI
PERAK DARUL RIZUAN.